



No. Tel. : (673) 2383838  
No. Faks : (673) 2380127  
E-mail : info@mtic.gov.bn  
Website : <http://www.mtic.gov.bn>

کمترین فعّالیت دان اینفوکومونیکاسی  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
MINISTRY OF TRANSPORT AND INFOCOMMUNICATIONS (MTIC)

Jalan Menteri Besar  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Kami: KP(MC)SUT/10

22 Ramadhan 1442  
05 Mei 2021

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**SURAT PEMBERITAHUAN**  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**  
**BILANGAN: 03 / 2021**

Yang Mulia  
Setiausaha-Setiausaha Tetap  
(Seperti Pembahagian)  
Negara Brunei Darussalam

Pengiran / Dato / Datin / Tuan / Puan,

**PENGGUNAAN PERKHIDMATAN EMEL KERAJAAN**

Dengan penuh hormat sukacita merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2012 mengenai Penggunaan Mel Elektronik (*E-Mail*) Kerajaan dan surat daripada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan mengenai Penggunaan Perkhidmatan Gunasama (*Shared Services*) dengan rujukan (19) EGNC/EGLFSEC/2/3 pt.1 bertarikh 20 Zulkaedah 1434 bersamaan 26 September 2013.

2. Dalam hal ini, sukacita Kementerian ini memaklumkan mengenai pelaksanaan dasar baharu serta langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselamatan emel Kerajaan yang dibekalkan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC).

3. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah yang akan diambil terhadap akaun-akaun emel pengguna yang **tidak aktif** dalam tempoh tertentu adalah seperti berikut:

- I. Akaun emel akan di **deactivated** jika **tidak aktif** dalam **tiga puluh (30) hari**;
- II. Akaun emel yang telah **deactivated** akan dihapuskan secara kekal jika **tidak** ada permohonan pengaktifan semula dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari**;
- III. **Pengecualian** hanya akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang **diberikan kebenaran bercuti** oleh Kerajaan melebihi tempoh tiga puluh (30) hari seperti cuti bersalin, cuti belajar dan sebagainya;



4. Manakala, tatacara-tatacara yang patut diambil bagi akaun emel yang akan diaktifkan semula ataupun akaun emel yang termasuk dalam kategori pengecualian adalah seperti berikut:

- I. **Pengesahan bagi akaun emel yang hendak diaktifkan semula** (sebelum tempoh akaun emel dipadamkan sepenuhnya) ataupun **kebenaranan Pengecualian** adalah **dibawah tanggungjawab Bahagian Pentadbiran di setiap agensi** yang mana permohonan-permohonan tersebut **hendaklah dipohonkan melalui Pusat Teknologi Maklumat (PTM)** di agensi masing-masing; dan
- II. **Pusat Teknologi Maklumat (PTM)** di setiap agensi hendaklah memastikan senarai akaun yang untuk diaktifkan semula ataupun pengecualian **dihadapkan kepada [helpdesk@egc.gov.bn](mailto:helpdesk@egc.gov.bn)** sebelum tempoh **deactivated** ataupun **dipadamkan (Permanent Deletion)** sepenuhnya.

Surat Pemberitahuan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh surat ini ditandatangani.

Bersama ini dilampirkan garispanduan dan tatacara bagi pengaktifan semula akaun emel untuk rujukan.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman dan perhatian pihak Pengiran/Dato/Datin/Tuan/Puan mengenainya.

والسلام

*"Memelihara Keamanan Kearah Kesejahteraan dan Kedaulatan Negara"*

Dengan hormat

[ Mohammad Nazri Mohammad Yussof]

SETIAUSAHA TETAP



**Pembahagian kepada:**

Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri  
Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan  
Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri  
Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan  
Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan  
Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan  
Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan  
Setiausaha Tetap, Kementerian Tenaga

**Salinan kepada:**

Pengarah Penerbangan Awam  
Pengarah Pengangkutan Darat  
Ketua Pos Agung  
Pengarah Kajicuaca  
Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)  
Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI)  
Ketua Eksekutif *Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)*  
Interim Pesuruhjaya Cyber Security Brunei (CSB)